

Kuala Lumpur: Penjaja gerai singgang Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru di sini menyatakan mereka akur dengan perpindahan, namun faktor lokasi tidak strategik itu dikhuatiri menjejaskan perniagaan milik mereka.

Pengerusi peniaga singgang Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Mohd Ibrahim Din, 48, berkata, ini disebabkan lokasi baharu Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata Titiwangsa itu tidak mempunyai kemudahan tempat meletak kenderaan pelanggan.

“Masalah utamanya adalah tempat meletak kenderaan. Permohonan kita kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah sediakan tempat meletak kenderaan.

“Tapi tempat meletak kenderaan tak disediakan lagi sudah kena pindah. Itu isunya. Bila sudah berpindah kita nak bawa pelanggan.

“Di sini pelanggan hampir 1,000 satu malam dan kenderaan pula dianggarkan sehingga 400. Macam mana kita nak bawa singgang itu ke sana?” katanya ketika ditemui Metro Ahad, semalam.

Dilaporkan seramai 26 penjaja gerai singgang di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru di sini akan berniaga di lokasi baharu iaitu Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata, Titiwangsa.

DBKL menerusi kenyataannya memaklumkan, kerja meroboh deretan gerai di lokasi asal akan dilaksanakan pada 22 Januari ini dan pihaknya sudah mengeluarkan notis pemakluman pengosongan tapak itu sejak Oktober tahun lalu.

Mengulas lanjut, Mohd



Penjaja khuatir lokasi tak strategik jejas perniagaan



Ibrahim mendakwa, lokasi baharu yang ditempatkan oleh DBKL itu juga tidak mempunyai ramai pengunjung.

“Dua puluh tahun Medan Batu Bata itu mati disebabkan (tiadanya) lot (meletak) kenderaan. Dia nak

letakkan kita di situ terus matilah kita,” katanya.

Peniaga singgang Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Aty Zulkifli, 31, berkata, perpindahan lokasi baharu itu menyebabkan pendapatan mereka berkurangan, ditambah lagi dengan umat

Islam bakal berpuasa tidak lama lagi.

“Bila pindah di sana pendapatan pun berkurang. Ini disebabkan nak naikkan perniagaan pun bukannya mengambil masa sebulan dua.

“Sebelum ini kami pun pernah berpindah juga. Ia mengambil masa empat tahun untuk bangunkan (perniagaan) singgang ini,” katanya.

Menurutnya, pihaknya akur dengan arahan pemindahan oleh DBKL tetapi meminta dilanjutkan sehingga selepas Aidilfitri.



PENJAJA gerai singgang di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1 tidak berpuas hati dengan lokasi tapak baharu. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH